



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 23 Februari 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
 Unit Komunikasi Korporat
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Menteri: Tiga Kes Dera Dilapor Di Pusat Jagaan Kanak-Kanak Antara 2020 Hingga 2022</p> <p>https://selangorkini.my/2023/02/menteri-tiga-kes-dera-dilapor-di-pusat-jagaan-kanak-kanak-antara-2020-hingga-2022/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/882461/3-cases-abuse-registered-childcare-centres-between-2020-and-2022</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/22/jkm-santun-542-kanak-kanak-hilang-ibu-bapa-akibat-covid-19-kata-menteri/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=LQi5hPfOaQU</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>NST</p> <p>FMT</p> <p>Media Komunikasi Nasional</p>	Neutral

	<p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57863-kpwkm-rangka-tindakan-penguatkuasaan-kekang-kes-penderaan-di-pusat-jagaan-kanak-kanak</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=oe7ANVI Dwo</p> <p>https://selangortv.my/kes-dera-pusat-jagaan-kpwkm-pandang-serius/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1067603/tiga-kes-penderaan-di-pusat-jagaan-kanak-kanak-dalam-tempoh-2-tahun</p> <p>https://www.hotfm.audio/jkm-santun-542-kanak-kanak-hilang-ibu-bapa-akibat-covid-19-kata-menteri/</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Selangor TV</p> <p>Selangor TV</p> <p>Berita Harian</p> <p>Hot FM</p>	
2	<p>'Minta Maaf, Tolong Jangan Kecam Cucu Saya'</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/938722/minta-maaf-tolong-jangan-kecam-cucu-saya</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
3	<p>Tiga Remaja Didakwa Rogol Budak Perempuan 12 Tahun</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1067597/tiga-remaja-didakwa-rogol-budak-perempuan-12-tahun</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246433/berita/semasa/tiga-remaja-didakwa-rogol-kanak-kanak-12-tahun</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-remaja-didakwa-rogol-kanakkanak-12-tahun-di-jempol-407728</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/22/tiga-remaja-bawah-umur-dituduh-rogol-kanak-kanak/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/tiga-remaja-dituduh-rogol-kanak-kanak/</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/02/22/kanak-kanak-perempuan-umur-12-tahun-dirogol-tiga-remaja-bawah-umur-didakwa-di-bahau</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>MStar</p>	Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938631/3-remaja-didakwa-rogol-kanak-kanak</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/656038</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/57884-tiga-remaja-mengaku-tidak-bersalah-rogol-kanak-kanak-12-tahun-di-jempol</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/22/3-remaja-mengaku-tak-salah-rogol-kanak-kanak/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/02/22/tiga-remaja-dituduh-rogol-kanak-kanak/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Berita RTM</p> <p>FMT</p> <p>Warta Oriental</p>	
4	<p>Warga Emas Didakwa Rogol Dua Pekerja Sambilan Hotel</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-didakwa-rogol-dua-pekerja-sambilan-hotel-407712</p> <p>https://satuberita.my/index.php/2023/02/22/warga-emas-mengaku-tidak-bersalah-rogol-dua-remaja/</p> <p>https://b.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=5147903</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Satu Berita</p> <p>Berita Cari</p>	Neutral
5	<p>Warga Emas Cekal Jaga Adik Terlantar, Ibu Uzur</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/warga-emas-cekal-jaga-adik-terlantar-ibu-uzur/</p> <p>https://berita.razzi.my/2023/02/utusan-warga-emas-cekal-jaga-adik.html</p>	<p>Utusan</p> <p>Berita Razzi</p>	Neutral
6	<p>Kudrat Bapa Jaga Empat Anak OKU</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/kudrat-bapa-jaga-empat-anak-oku/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
7	<p>Terharu terima bantuan runag daripada Agong</p> <p>https://utusan Timur.com/2023/02/22/terharu-terima-bantuan-rumah-daripada-agong/</p>	<p>Utusan Timur</p>	Neutral

MENTERI: TIGA KES DERA DILAPOR DI PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK ANTARA 2020 HINGGA 2022

<https://selangorkini.my/2023/02/menteri-tiga-kes-dera-dilapor-di-pusat-jagaan-kanak-kanak-antara-2020-hingga-2022/>

Sumber : Selangor Kini



SHAH ALAM, 22 FEB: Sebanyak tiga kes penderaan dilapor berlaku di pusat jagaan kanak-kanak berdaftar sepanjang 2020 hingga tahun lepas.

Menteri Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata walaupun jumlah sedikit namun pihaknya tetap memandang serius kejadian berkenaan.

“Tiga kes penderaan di pusat jagaan kanak-kanak berbanding 1,248 buah premis yang berdaftar bawah Akta 506,” katanya di Parlimen hari ini.

Ahli Parlimen Santubong memaklumkan antara usaha dilakukan bagi mengekang kes dera ialah memastikan pusat jagaan sentiasa mematuhi akta termasuk pemantauan dan pemeriksaan secara berkala dan mengejut.

“Langkah memperkasakan tindakan penguatkuasaan kepada pusat yang melanggar akta terus dilaksanakan. Kementerian juga mengadakan kempen kesedaran untuk masyarakat menjadi mata dan telinga jabatan.

“Selain itu, kementerian juga akan mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pusat jagaan yang tidak berdaftar,” katanya.

'MINTA MAAF, TOLONG JANGAN KECAM CUCU SAYA'

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/938722/minta-maaf-tolong-jangan-kecam-cucu-saya>

Sumber : Harian Metro



Pasir Gudang: "Saya memohon maaf terhadap jiran atas perbuatan cucu yang tular di media sosial dan harap dia tidak dikecam lagi," kata seorang wanita mualaf berusia 57 tahun yang mahu dikenali sebagai Fatimah.

Katanya, dia tidak menolak kemungkinan cucu perempuan berusia lapan tahun itu kesunyian dan tertekan dengan permasalahan keluarga hingga berbuat demikian.

Menurutnya, dia hanya menyedari perbuatan cucunya dikenali sebagai Bavani selepas ia tular di laman TikTok Sabtu lalu.

Katanya, dia yakin perbuatan Bavani mencalar kereta jiran yang diletakkan di parkir bawah flat mahupun mengambil dan membuang penyepit milik jiran adalah sesuatu tabiat baharu.

"Dia sebelum ini kanak-kanak berperwatakan riang dan lincah serta tidak berdepan dengan masalah pembelajaran, namun sejak saya jatuh sakit dan bapanya pula terpaksa berjauhan dengan keluarga atas faktor tidak dapat dielakkan, Bavani suka mendiamkan diri serta bersendirian.

"Kehidupannya tidak sama seperti kanak-kanak lain kerana sejak kecil bapanya sudah berpisah dengan ibunya dan terus terputus hubungan.

"Namun sejak akhir tahun lalu saya mengalami darah tinggi selain sakit jantung, saya tidak mampu membawanya ke mana-mana," katanya.

Fatimah berkata, dia juga mengalami masalah pergerakan yang terbatas serta tidak dapat menaiki atau turun tangga dari tingkat empat di flat projek perumahan rakyat (PPR) itu.

Menurutnya, bapa Bavani yang juga seorang muallaf terpaksa berjauhan dengan keluarga sejak kebelakangan ini hingga kanak-kanak itu kurang perhatian.

Katanya, ketika berada di rumah, Bavani rajin membantunya mengemas rumah dan melakukan beberapa kerja.

"Dia juga bersekolah di sebuah sekolah Tamil berhampiran.

"Saya menyara Bavani dengan bantuan am daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejumlah RM300 sebulan sepenuhnya dan kami juga dibantu anak lelaki lain daripada segi pemakanan harian.

"Kami bukan orang senang dan saya juga buntu memikirkan tambang bas sekolah ya yang mencecah RM60 pada Mac depan.

"Saya berharap dapat memberi keselesaan kepada Bavani supaya dia dapat meneruskan persekolahan seperti biasa dan menjadi insan berguna pada masa depan," katanya ketika ditemui.

Fatimah berkata, dia juga menasihati cucunya supaya tidak mengulangi perbuatannya itu.

"Sejak kes berkenaan tular, ramai pihak yang ingin mendapatkan penjelasan daripada kami dan sebagai penjaga Bavani saya memohon maaf dan berjanji ia tidak akan berulang," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Ketua Blok 52, Karim Abd Rahman berkata, keluarga kanak-kanak berkenaan sering dibantu oleh jiran-jiran berhampiran.

"Mereka juga tidak mempunyai sebarang masalah dengan jiran lain melainkan kejadian baru-baru ini.

"Kami berharap keluarga berkenaan terus dibantu terutama dari segi persekolahan dan sokongan moral supaya masa depan kanak-kanak berkenaan lebih terjamin, katanya.

Video berkaitan kejadian berkenaan menerima perhatian hampir 33,000 netizen selain menerima 2,500 komen termasuk berbaur kecaman.

Tiga remaja didakwa rogol budak perempuan 12 tahun

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1067597/tiga-remaja-didakwa-rogol-budak-perempuan-12-tahun>

Sumber : Berita Harian



JEMPOL: Tiga remaja dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bahau di sini hari ini, atas tuduhan merogol seorang budak perempuan berusia 12 tahun pada Januari lalu.

Ketiga-tiga tertuduh yang masing-masing berusia 14, 16 dan 17 tahun itu, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Majistret, Norshazwani Ishak.

Berdasarkan pertuduhan yang dikemukakan, remaja berusia 16 tahun itu, didakwa merogol mangsa di antara jam 3 pagi hingga 1 tengah hari pada 29 Januari lalu.

Manakala, remaja berusia 14 dan 17 tahun pula dituduh secara bersama, merogol kanak-kanak itu kira-kira jam 11.30 malam pada 28 Januari lalu.

Kesemua tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu dalam sebuah bilik hotel di Bahau.

Tertuduh yang berusia 16 tahun didakwa mengikut Seksyen 376 (2)(d) Kanun Keseksaan (Akta 574), manakala, dua lagi remaja dituduh secara bersama mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan, setiap tertuduh boleh dihukum penjara di antara 10 hingga 30 tahun dengan sebatan.

Mahkamah menetapkan 22 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan kes dikendalikan Pegawai Pendakwa, Inspektor Baharudin Bam Bam, manakala dua tertuduh diwakili peguam bela, Datuk Abu Bakar Isa Ramat dan Datuk P M Nagarajan, manakala seorang lagi tertuduh belum diwakili peguam.

WARGA EMAS DIDAKWA ROGOL DUA PEKERJA SAMBILAN HOTEL

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-didakwa-rogol-dua-pekerja-sambilan-hotel-407712>

Sumber : Astro Awani

KUALA TERENGGANU: Seorang kakitangan kontrak sebuah hotel mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan merogol dua pekerja sambilan di premis kerjanya.

Pengakuan itu dibuat tertuduh yang berusia 61 tahun, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu Nooriah Osman.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa yang berusia 18 tahun 7 bulan di sebuah hotel di daerah ini.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu antara jam 6.30 petang hingga 10 malam pada 27 Disember 2022.

Manakala, bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa merogol seorang lagi mangsa yang berusia 16 tahun 3 bulan di lokasi, masa dan tarikh sama.

Bagi kesalahan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM30,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 21 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Hanis Nabihah Hizamul-Din manakala tertuduh diwakili peguam Abdul Hayyi Salim.

WARGA EMAS CEKAL JAGA ADIK TERLANTAR, IBU UZUR

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/warga-emas-cekal-jaga-adik-terlantar-ibu-uzur/>

Sumber : Utusan



MUAR: Demi kasih terhadap ibu dan adiknya, seorang warga emas sanggup berkorban tenaga serta wang ringgit demi memenuhi keperluan mereka yang kini berada dalam keadaan uzur.

Abdul Rahman Ahmad, 60, berkata, meskipun ibunya, Fatimah Mohd. Lit, 83, tidak menghidap sebarang penyakit kronik, kudrat wanita itu terbatas dan memerlukan perhatian serta penjagaan rapi.

Selain ibu, katanya, dia turut menjaga seorang adik lelakinya, Zulkifli, 42, yang kini terlantar akibat serangan angin ahmar sejak tiga tahun lalu.

“Sejak dia diserang strok pada 2019, segala-galanya berubah dan saya menggalas tanggungjawab menjaga adik serta ibu menggunakan hasil keuntungan jualan roti canai,” katanya ketika ditemui di Bandar Maharani, di sini.

Abdul Rahman yang masih bujang mengakui hasil jualan hanya ‘cukup makan’ lantaran hanya mengusahakan gerai secara kecil-kecilan.

“Kedai makan pun tiada pekerja, hanya saya yang menjual roti canai di samping menyiapkan minuman, basuh pinggan dan cawan dan nak ambil pembantu tak mampu. Namun, dengan wang inilah saya gunakan untuk menampung keperluan kami sekeluarga dan Alhamdulillah, adik ada menerima wang bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jika saya bekerja, ibu yang akan menjaga Zulkifli,” katanya sambil memaklumkan adiknya memerlukan lampin pakai buang dan susu khas.

Terdahulu, Zulkifli menerima kunjungan daripada Setiausaha UMNO Bahagian Muar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Balang, Selamat Takim.

Bagi yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) Abdul Rahman bernombor 0115741000032193. – [UTUSAN](#)